

15/08/2000

Arafat minta sokongan Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Palestin Yasser Arafat akan tiba di sini esok untuk lawatan kerja singkat untuk mendapatkan sokongan Malaysia berkaitan deklarasi kemerdekaan Palestin pada 13 September ini.

Arafat akan meminta sokongan itu semasa pertemuannya dengan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, esok.

Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra berkata Arafat akan memberi taklimat kepada Dr Mahathir berkaitan perkembangan terbaru proses damai di Asia Barat, yang mana Israel dan Palestin belum lagi mencapai penyelesaian berkaitan konflik yang berlarutan lebih 50 tahun.

"Beliau akan datang untuk memberi taklimat berkaitan keadaan terbaru dan mendapatkan sokongan," kata Ahmad semasa dihubungi hari ini.

Arafat akan berada di sini antara tiga hingga empat jam sebelum berlepas ke negara Asia Tenggara yang lain berkaitan misi yang sama.

Delegasi tujuh anggota Arafat termasuk dua menteri - Menteri di Pejabat Presiden, Taib Abdul Rahim dan Menteri bagi Negara, Hassan Asfour.

Ahmad berkata, Arafat yang kini dalam lawatan ke seluruh dunia untuk mendapatkan sokongan, berikutan kegagalan perbincangan perdamaian Camp David yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat, dijadualkan tiba dari Vietnam setelah melakukan misi yang sama.

Perbincangan itu yang dihadiri Arafat dan Perdana Menteri Israeli, Ehud Barak gagal mencapai persetujuan berkaitan status Jerusalem dan pelarian Palestin.

(END)